

28 JUL 2004

LID-Dr Mahathir

DR MAHATHIR BERTEMU BEBERAPA PEMIMPIN AFRIKA YANG SERTAI LID

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan beberapa pertemuan tidak rasmi dengan beberapa pemimpin Afrika yang menghadiri Global 2004 Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Sebaik tiba di lapangan terbang antarabangsa di Padang Matsirat, beliau mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan Perdana Menteri Lesotho Pakalitha Bethuel Mosisili dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano di Pelangi Beach Resort, pusat persidangan LID.

Ketibaan beliau dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Jamaludin Jarjis, Ahli Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Kedah Nawawi Ahmad dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Datuk Anuar Abdul Rahman.

Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan beberapa pemimpin dan bekas pemimpin Afrika yang menyertai LID di Telaga Harbour Park di Teluk Burau di sini, malam ini.

Telaga Harbour Park merupakan pusat pertumbuhan baru berkonsepkan ala Mediteranean di Teluk Burau di sini yang menjadi kawasan persinggahan kapal layar.

Pusat itu, yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelayar dan pelancong, mampu menampung kira-kira 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Sebelum itu beliau diberi taklimat mengenai konsep projek pembangunan masa depan Langkawi oleh pengerusi Sunan Architect, Sunan Mahmud.

Antara yang hadir pada pertemuan itu yang bermula dengan majlis makan malam termasuklah Raja Mswati III dari Swaziland, Naib Presiden Uganda Prof Gilbert Balibaseka Buleya, bekas naib presiden Malawi Justin Malewewezi dan bekas presiden Botswana Sir Ketumile Masire.

Turut hadir di majlis itu ialah Jamaludin dan pelayar solo

negara Datuk
Azhar Mansor.
-- BERNAMA
NH ZK